NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#20

16 Mei 2024 – 22 Mei 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Rakyat Mahukan Kerajaan yang Telus 2
Perutusan Negara oleh PMX 5
Wajarkah UiTM Dibuka kepada Bukan Bumiputera? 7
Tiada Lagi Geran Usahawan Bumiputera 10
Kekosongan Jawatan Doktor Merunsingkan 12
E-Invois: Persiapan Pelaksanaan Cukai Baharu 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Rakyat Mahukan Kerajaan yang Telus

- Terdapat dua berita yang menambah krisis keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan menjaga kepentingan negara dan rakyat. Dua isu tersebut adalah saham pemilikan **Malaysia Airport Holding** (MAHB) dan juga kenaikan harga diesel atau pemotongan **subsidi bahan api**.
- Berkenaan isu penjualan saham MAHB, YB Menteri Pengangkutan semasa ditanya dalam persidangan Parlimen pada 11 Mac 2024 lalu menafikan bahawa kerajaan menjual pegangan saham MAHB kepada syarikat asing.
- Menurut beliau apa yang dinyatakan adalah kerajaan akan meningkatkan pemilikannya dalam MAHB daripada 33.2% kepada 40% dan KWSP daripada 7.9% kepada 30%, manakala Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) masing-masing akan memegang baki 5% dan 25%.
- GIP adalah merupakan **syarikat milik Blackrock** yang berpangkalan di New York, juga adalah pemegang saham syarikat pembuat senjata Lockheed Martin, RTX dan Northrop Grumman. Syarikat ini dilaporkan syarikat pro-Yahudi.
- Selepas berita penjualan saham ini dinafikan pada dua (2) bulan lalu dan selepas konsesi pengurusan semua lapangan terbang di Malaysia kepada MAHB dilanjutkan, 25% daripada syarikat MAHB dijual kepada syarikat pro-Yahudi yang akan menguasai kesemua 39 lapangan terbang di dalam negara sepanjang 45 tahun akan datang.
- Ketika kecoh isu berkaitan pemilikan saham MAHB, timbul pula cerita yang hampir sama skripnya. PM sebaik sahaja pulang daripada lawatan luar negaranya telah mengumumkan bahawa Kabinet bersetuju untuk memperkenalkan **penyasaran subsidi** bahan api diesel.

- Menurut beliau, penyelarasan atau pemansuhan subsidi diesel ini akan menyelamatkan kewangan negara berjumlah hampir RM4 bilion. Sebelum ini, PM bertegas menafikan laporan media terutamanya media asing berkaitan isu pemotongan subsidi bahan api.
- Beliau menzahirkan ketidakpuasan hati terhadap **laporan media asing** yang dianggap melaporkan berita yang tepat. Beliau berpendapat ia disebabkan pendirian politik Malaysia yang tegas.
- Bukan hanya penafian dibuat dalam media massa tempatan, PM juga turut menafikan berita pemansuhan subsidi minyak dalam masa terdekat ketika ditanya oleh Haslinda Amin dari Bloomberg Television ketika ditemuramah di Forum Ekonomi Qatar.
- Nyata, dalam masa dua bulan ini, tindakan kerajaan adalah seperti cubaan **menipu rakyat**. Sesuatu tindakan kerajaan itu boleh diterima rakyat andainya ia telus dan mempunyai alasan munasabah.
- Kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap tadbir urus kerajaan perlu dibina dan boleh dicapai melalui ketelusan kerajaan. Kerajaan perlu melakukan sesuatu dengan segera kerana dibimbangi rakyat semakin hilang kepercayaan dengan kerajaan.
- Kita tidak mahu tindakan kerajaan seperti ini akan terus meningkatkan peratus ketidakpercayaan rakyat kepada kerajaan seperti mana laporan kajian oleh firma penyelidikan dan perundingan pasaran multinasional, Ipsos Group S.A.
- Kerajaan harus sedar, implikasi kepada defisit kepercayaan dan keyakinan rakyat boleh membawa kesan kepada kegagalan fungsi jentera. Seterusnya negara akan terus mundur dan diketawakan dunia.
- Kerajaan hari ini harus bertindak telus kerana janji parti yang memegang tampuk pemerintahan hari ini berjanji didalam manifestonya untuk menjadi

sebuah kerajaan yang berintegriti. Jika mahu sedemikian maka harus telus dan tiada lagi cubaan membodohkan rakyat.

RUJUKAN

- https://harakahdaily.net/index.php/2024/05/18/kenapa-jual-mahb-kepada-syarikat-pro-israel/
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/17/loke-nafi-kelirukan-parlimen-berhubung-penjualan-saham-mahb/
- https://www.global-infra.com/news/gip-in-partnership-with-khazanah-epf-and-adia-announces-conditional-offer-to-acquire-malaysia-airports-holding-berhard/
- https://www.yslestari.org.my/nexus/#edisi-18
- https://www.youtube.com/watch?v=fZ3GkK6QkjI&ab_channel=BloombergTelevision
- https://www.yslestari.org.my/nexus/#edisi-16

Perutusan Negara oleh PMX

- Pada 21 Mei 2024, Perdana Menteri telah menyampaikan Perutusan Negara dengan meletakkan pelbagai jaminan untuk menyelesaikan dua **cabaran struktur yang utama** iaitu ekonomi rakyat dan ekosistem perniagaan yang hambar serta kewangan kerajaan Persekutuan yang lemah.
- Perutusan Negara dilihat merumuskan pencapaian membanteras **golongan maha kaya** dan 3.8 juta ataupun 1% warga asing yang dikatakan 'merembat' harta negara, yang mana ia diulang banyak kali di dalam ucapan beliau.
- Antara ucapan beliau mengenai penyasaran subsidi diesel dijangka dapat menjimatkan RM4 bilion wang kerajaan, namun ada pihak menimbulkan persoalan implikasi daripada pemberantasan 'manipulasi' maha kaya dan warga asing.
- Penyeludup kemungkinan besar akan berfikir dua kali untuk mencuri diesel. Oleh itu, berapakah jumlah sebenar kenderaan yang digunakan oleh golongan maha kaya dan warga asing? Apakah jenis kenderaan tersebut?
- Tambahan pula, dengan **keluarnya pelabur asing** beramai-ramai baru-baru ini, menyebabkan institusi tempatan terpaksa mengisi ruang sehingga indeks KLCI mencecah angka 1,600. Ini adalah satu pencapaian yang baik dalam tempoh dua tahun, namun timbul persoalan tentang sejauh mana situasi ini dapat bertahan serta apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan kestabilan indeks pasaran saham negara.
- Usaha-usaha penjimatan ini seterusnya dijangka memulangkan duit rakyat bagi membiayai beberapa program seperti Insentif Pengeluaran Getah dan Skim Subsidi Harga Padi. Walau bagaimanapun, penyelesaian ini pula tidak menyelesaikan masalah struktur di dalam industri getah dan padi. Masalah ini melibatkan penyelesaian kepada orang tengah, tidak kepada petani.

- Antara isu struktur yang perlu dilakukan dalam industri berkaitan adalah kelangsungan hidup pesawah padi, ketidakcekapan rantaian nilai industri, kebergantungan yang tinggi terhadap import variasi beras berkualiti kekurangan pekerja tempatan dalam industri getah serta, harga getah global yang turun naik memberi kesan kepada kelangsungan industri tempatan.
- Di samping itu, Perdana Menteri perlu menjelaskan tentang **definisi maha kaya** yang mana istilah ini seolah-olah dinormalisasi dengan imej yang buruk di dalam keseluruhan ucapan Perdana Menteri. Tidak dinafikan, ramai golongan yang berpendapatan tinggi terutama Bumiputera telah menyumbang besar kepada institusi zakat dan membayar cukai, dengannya orang miskin beroleh manfaat.
- Sekiranya mereka mengambil wang negara, pulangkan semula hak tersebut kepada rakyat dan negara, sama ada dalam bentuk perkhidmatan atau peluang-peluang lain. Namun, generalisasi masalah yang dilakukan oleh sesetengah pihak kepada semua golongan berpendapatan tinggi dengan mengatakan mereka mengambil kesempatan dalam ekonomi amatlah tidak wajar.
- Setakat ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) telah menggesa kerajaan untuk menangguhkan rancangan untuk merasionalkan subsidi petrol dan diesel buat masa ini, memandangkan rakyat kini terbeban dengan hutang domestik, kenaikan harga barang, kenaan cukai yang pelbagai dan kesan perubahan iklim sehingga antaranya menyebabkan bil air dan elektrik meningkat.
- Dalam hal ini, kerajaan perlu mempertimbangkan keseluruhan implikasi kepada isi rumah dan adalah baik sekiranya dapat ditangguhkan dahulu sehingga keadaan negara stabil dan aman.

RUJUKAN

- https://www.facebook.com/share/v/BhFeKu61Qv94Az92/

Wajarkah UiTM Dibuka kepada Bukan Bumiputera?

- Tular minggu lalu, kira-kira 100 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam berpakaian hitam sebagai simbol protes membantah rancangan **pembukaan UiTM** kepada pelajar bukan bumiputera. Mereka turut menggunakan #MahasiswaUiTMBantah di platform-platform media sosial.



- Protes digerakkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM itu menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan tindakan universiti tersebut membuka secara sementara program latihan teknikal pakar jantung ***parallel pathway*** kepada tujuh pegawai perubatan bukan Bumiputera.

- Sehingga hari ini, ramai pihak masih bercakap dan memberi pendapat masing-masing terutama di media sosial. Isu tersebut turut diulas oleh beberapa ahli akademik dan politik tanah air.

- Susulan protes tersebut, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir membuat kenyataan bahawa **tiada sebarang perbincangan** di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai cadangan membuka UiTM kepada pelajar bukan bumiputera.

- Beliau turut menegaskan kementeriannya berpegang teguh kepada Fasal 1A Akta 173 berkenaan tujuan penubuhan UiTM serta bertindak mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melindungi kepentingan UiTM tersebut.

- Mengulas lanjut, Bekas Menteri Kesihatan, Khairi Jamaludin, pada Rabu lalu dalam Podcast 'Keluar Sekejap' menjelaskan bahawa isu ini tidak sewajarnya menjadi polemik berpanjangan kerana tujuan asal keputusan ini diambil bukanlah untuk membuka kemasukan pelajar bukan bumiputera ke kampus UiTM, tetapi untuk menyelesaikan masalah kekurangan pakar kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- Isu ini timbul apabila para pelatih yang terlibat dalam Persekutuan Kolej Pakar Bedah Diraja Edinburgh bagi Pembedahan Kardiotoraks (FRCS Ed) telah ditolak permohonan mereka dalam Pendaftaran Pakar Kebangsaan (NSR) oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) berikutan sijil itu tidak diiktiraf.

- Malaysia mengalami masalah **kekurangan pakar** yang serius namun pada masa sama tiada program tempatan yang mencukupi untuk melahirkan golongan terbabit. Satu-satunya program latihan pakar bagi pembedahan kardiotoraks di Malaysia ialah usahasama antara UiTM dengan Institut Jantung Negara (IJN), namun ia khusus untuk Bumiputera sahaja.

- Kebimbangan melahirkan tenaga pakar ini akhirnya mendorong UiTM untuk menawarkan program tersebut kepada pelatih bukan bumiputera buat sementara waktu sehingga program sama akan dibuka dan ditawarkan di Universiti Malaya (UM).

- Selepas penerangan terperinci dibuat oleh pihak pentadbiran UiTM, MPP UiTM pada Rabu lalu tampil membuat permohonan maaf secara terbuka berhubung tindakan protes serta kempen #MahasiswaUiTMBantah yang digerakkan baru-baru ini kerana telah menimbulkan banyak kekeliruan dan salah faham kepada umum.

- Konklusinya, ada dua pengajaran penting yang boleh diambil oleh semua pihak berhubung isu ini. Pertama, KPT perlu lebih bersikap telus dan berhati-hati dalam membuat sesuatu keputusan yang berpotensi mencetuskan kebimbangan orang ramai. Penjelasan awal perlu dibuat bagi isu-isu sensitif agar tidak timbul salah faham berkenaan keputusan yang ingin diambil.
- Kedua, orang ramai terutama perwakilan pelajar tidak boleh cepat melatah malahan perlu mendapatkan maklumat yang lengkap sebelum membuat sesuatu rumusan.
- Isu menjaga sistem kesihatan negara ini adalah perkara penting yang mampu menentukan hidup dan mati rakyat. Sekiranya UiTM perlu mengambil tanggungjawab ini demi memastikan masa depan sistem kesihatan negara tidak terancam, justeru adalah wajar untuk semua pihak berlapang dada menyokong keputusan ini.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/mpp-uitm-seru-mahasiswa-berpakaian-hitam-tanda-protes/
- https://www.sinarharian.com.my/article/666143/berita/semasa/mpp-uitm-mohon-maaf-akui-kempen-mahasiswauitmbantah-satu-kekhilafan#google_vignette
- https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/483130
- Podcast Keluar Sekejap; https://www.youtube.com/watch?v=O6-A1dMPV_0

Tiada Lagi Geran Usahawan Bumiputera

- Tiga **agensi bermandat bumiputera** di bawah seliaan Kementerian Ekonomi iaitu Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Yayasan Peneraju (YP) dan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) akan dijajar semula.
- Penjajaran semula agensi itu akan menyebabkan **penarikan semula skim geran** kepada peniaga mikro Bumiputera bernilai RM 1 billion yang diberikan dan akan digantikan dalam bentuk pinjaman kepada Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka.
- Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memaklumkan bahawa geran bantuan ini direka untuk diberi percuma tetapi kaedah itu menyebabkan sebahagian besar penerima tidak bertanggungjawab. Justeru, perubahan ini dilihat mampu memperluaskan capaian skop tiga agensi tersebut.
- Hasil daripada itu, Teraju memaklumkan akan mewujudkan **dana agregat** sebanyak RM 1 bilion datang dengan sokongan rakan usaha sama. Dana itulah yang akan diagihkan dalam bentuk pinjaman dan perbincangan lanjut dengan rakan kerjasama akan diadakan untuk merendahkan kadar faedah pinjaman di bawah kadar pasaran supaya menarik syarikat Bumiputera.
- Dijangka ramai usahawan Bumiputera yang akan terkesan akibat daripada penarikan skim geran ini. Malahan sebelum ini pada 2018, kerajaan pernah memperuntukkan dana besar sebanyak RM2.9 bilion untuk skim geran.
- Perkara ini mendapat tentangan pelbagai pihak terutamanya usahawan Bumiputera sendiri yang menyatakan seolah-olah kerajaan sedikit demi sedikit menarik hak rakyat Bumiputera.
- Pun begitu, menteri tidak menolak tanggapan negatif susulan langkah kontroversi itu dan hanya menjawab bahawa inisiatif tersebut diwujudkan selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 yang

menggariskan peranan tiga agensi itu dengan tiada lagi geran dan diganti pinjaman.

- Dalam masa yang sama, Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) mencadangkan skim atau geran sepatutnya diteruskan khusus diberikan kepada syarikat Bumiputera yang mempunyai merit dan kelayakan tinggi. Ini kerana ia selaras dengan aspirasi negara dalam **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030** dan kaedah pinjaman hanya akan melambatkan proses negara ke arah industri maju.
- Timbul juga persoalan apakah syarat kelayakan untuk pinjaman selepas penjajaran ini dan apakah jaminan kerajaan untuk memastikan kaedah leveraj ini boleh membuahkan hasil seperti yang diharapkan serta tidak membebankan syarikat peminjam.
- Tidak dinafikan melalui kedua-dua kaedah baik skim geran mahupun pinjaman mempunyai kebaikan dan keburukan yang perlu diambil kira oleh kerajaan. Jika masalah yang timbul daripada skim geran hanyalah isu ketelusan, sepatutnya kerajaan mempunyai kaedah yang lebih baik daripada ini.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/tiada-lagi-geran-ditawarkan-bantu-usahawan-bumiputera/
- https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/05/1092511/teraju-sedia-dana-rm1-bilion-bantu-syarikat-bumiputera
- https://www.sinarharian.com.my/article/665801/berita/semasa/perdasama-cadang-skim-geran-diteruskan-untuk-syarikat-bumiputera
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/405598/11-insentif-baharu-rm29b-untuk-usahawan-bumiputera

Kekosongan Jawatan Doktor Merunsingkan

- Keadaan perkhidmatan kesihatan awam negara berada dalam kegawatan apabila seorang daripada lima pegawai kesihatan sama ada **menolak penjawatan tetap** atau kekal berada dalam penjawatan semasa apabila ditawarkan sepanjang tahun lepas, menurut Hartal Doktor Kontrak (HDK).
- Dengan 5,489 penjawatan tetap yang ditawarkan tahun lepas, sebanyak 1,118 kini masih kosong disebabkan peletakan jawatan (30), tidak melaporkan diri (559) atau menolak (529) . Ini menunjukkan terdapat **ketidaksepadanan tawaran** yang dibuka oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan jangkaan oleh pegawai kesihatan.
- Beberapa situasi berlaku yang menyebabkan ketidakcukupan doktor di perkhidmatan awam, antaranya:
    - Doktor yang sudah berkhidmat untuk tempoh yang lama dan memiliki kepakaran dalam satu-satu bidang pengkhususan, namun apabila ditawarkan penjawatan tetap mereka diarahkan untuk ditempatkan ke lokasi baharu.
    - Doktor yang mengambil peperiksaan di luar negara untuk pengkhususan bidang, namun setelah pulang ke tanah air mereka diarahkan untuk berada di klinik kesihatan atau pejabat kesihatan daerah.
    - Doktor yang buat permohonan kepada kementerian untuk diberi penempatan bagi memudahkan latihan kepakaran, namun permohonan mereka diabaikan lalu hilang motivasi untuk menerima lantikan tetap.

- Kegagalan untuk mematuhi tawaran yang diberikan akan menyebabkan tawaran tersebut terbatal dan doktor yang terkesan akan dihadkan perkhidmatan dengan tempoh maksimum sebanyak tujuh tahun.
- Meskipun Perdana Menteri, Menteri kesihatan dan pihak kerajaan secara umumnya menyatakan komitmen untuk membuat **lantikan tetap dengan lebih kerap**, usaha ini sukar mencapai objektif yang dihasratkan jika tawaran tersebut tidak bersesuaian dengan jangkaan pegawai perubatan sendiri.
- Kementerian Kesihatan pada Mei lalu sedang memulakan kajian perancangan sumber manusia bagi menepati pelan pembangunan fasiliti kesihatan negara. Dari pihak pegawai perubatan, mereka menuntut agar sebarang polisi perlu mendapatkan pandangan mereka yang berkhidmat di peringkat akar umbi. Hal ini bagi memenuhi keperluan lebih 28,000 doktor pakar menjelang tahun 2030.
- Apa jua kekangan yang dihadapi, pegawai perubatan sebagai tunjang sistem kesihatan negara perlu diberikan sokongan yang sewajarnya agar rakyat dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

RUJUKAN

- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/22/hartal-doktor-kontrak-warns-health-ministry-as-20pc-of-permanent-offers-spurned-last-year/135817
- https://www.buletintv3.my/nasional/kkm-mulakan-kajian-perancangan-sumber-manusia-bagi-menepati-keperluan-fasiliti-kesihatan/

E-Invois: Persiapan Pelaksanaan Cukai Baharu

- Penggunaan **Inisitatif e-Invois Kebangsaan** (National e-Invoicing Initiative) yang akan dilaksanakan bermula Jun 2024 telah mendapat kritikan dari Ahli Parlimen Ayer Hitam yang juga Presiden MCA, Datuk Dr Wee Ka Siong. Menurutnya, pelaksanaan tersebut dijangka akan menyusahkan usahawan dan peniaga kecil kerana mereka perlu melengkapkan sebanyak 55 medan data bagi melengkapkan e-invois.

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) telah mengumumkan melaksanakan e-invois pada Mei 2023 sebagai satu persiapan sebarang pelaksanaan cukai baharu. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL), Datuk Dr Mohd Nizom, pelaksanaan e-invois akan berupaya untuk **meningkatkan kecekapan perniagaan** melalui penjimatan kos dan mempermudah pra-isi makumat pelaporan cukai.


- Ia juga satu mekanisme untuk mengukuhkan sistem percukaian negara, meningkatkan ketelusan cukai dan penilaian risiko pematuhan yang lebih tepat dalam kalangan pembayar cukai secara sukarela. Malah sistem ini juga menyokong hasrat negara ke arah pendigitalan pentadbir cukai dan memerangi masalah ekonomi bayangan.

- HASiL dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 24 Oktober 2023 bagi merealisasi pelaksanaan inisiatif tersebut. LHDN memaklumkan syarikat yang terbabit dengan pelaksanaan projek rintis e-invois telah mula mengakses persekitaran pengujian (Sandbox) MyInvois bermula 10 April tahun ini.

- Sebanyak empat ribu syarikat yang memperoleh pendapatan melebihi RM100 juta setahun disasarkan menjadi **kumpulan pertama** untuk terbabit dalam melaksanaan tersebut bermula 1 Ogos ini. Manakala, syarikat dengan

pendapatan melebihi RM25 juta sehingga RM100 juta akan menggunakan e-invois pada 1 Januari 2025.

- Sehingga kini, pihak LHDN telah mengambil pendekatan aktif dalam mengadakan sesi libat urus dengan golongan sasar bagi tujuan kesedaran dan pendidikan. LHDN juga turun menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan kepada pengguna terutamanya sektor perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) untuk menggunakan portal MyInvois dengan mudah.
- Pelaksanaan e-invois akan dilakukan secara berfasa mengikut pendapatan tahunan syarikat. Mengenai penalti bagi ketidakpatuhan pelaksanaan e-Invois, LHDN menjelaskan bahawa kadar penalti minimum yang boleh dikenakan adalah RM200 sehingga kadar maksimum RM20,000 dan pengenaan penalti adalah bergantung kepada setiap fakta kes.



RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/666186/berita/nasional/sistem-e-invois-lhdn-jawab-dakwaan-ka-siong
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lhdn-tak-cadang-lanjut-tempoh-kuat-kuasa-einvois-beri-pendidikan-kepada-pks-468564



SEACOFSS

SOUTH-EAST ASIA CONFERENCE ON FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY

The 1st Southeast Asia Conference

FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY (SEACOFSS 2024)

THEME:
" Nourishing Futures: Sustainable Food Security with Climate-Smart Solutions "

DATE
17 & 18 NOVEMBER

PLACE
Hotel Perdana KotaBharu

PUBLICATION

Journal of Sustainability Science and Management

JKJ Jurnal Kejuruteraan

ORGANIZER

Yayasan Strategik LESTARI

COLLABORATION

Universiti Malaysia KELANTAN

PARTNER SPONSOR

EPIC

FURTHER INFO:
https://seacofss.com

SUBMISSION AT:
https://tinyurl.com/abstractsubmissionseacofss2024

https://www.facebook.com/seacofss

SCOPE & SUB-THEMES

Climate Change And Food Security Policy, Sustainable Technology And Digitalization, Agricultural Economics, Climate Change And Disaster Management, Food Safety And Nutrition, Logistics And Food Supply Chains, Environmental Economics, Environmental Management, Energy Transition, Competitive Food Industry

PUBLICATION

1. All accepted papers will be published in SEACOFSS 2024 Proceeding with ISSN.
2. Selected papers will be given the opportunity to publish in WOS and/or Scopus indexed journals, with compulsory publication fee to be paid by the authors.

CALL FOR PAPERS!

IMPORTANT DATES (2024)

EXTENSION DATE 2 JUN

19 May : Abstract submission deadline
~~20 May~~ : Etension date
2 June : Abstract acceptance notification
30 June : Early bird registration deadline
8 September : Registration deadline

BEST ORAL PRESENTER will be awarded to each theme !

We are open for bulk registration.

Hanisah (+6013-980 5362) | hanisah@yslestari.org.my

Dr Norazuwana (+603-8911 8528) | norazuwanashaari@ukm.edu.my

emel program: info@seacofss.com

PENCARIAN
PENULIS E-MAJALAH NEXUS+

EDISI KE-2

TEMA PENULISAN



KELEBIHAN

- ✓ Nilai tambah portfolio dalam resume
- ✓ Idea/karya akan dijadikan rujukan umum
- ✓ Kredit nama dalam penerbitan majalah dengan perakuan pendaftaran e-ISSN

TERMA DAN SYARAT

1. Artikel mestilah ditulis sama ada dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**.
2. Teks hendaklah ditulis dalam fon **Arial**, dengan **saiz 14 untuk tajuk**, saiz **12 untuk perenggan, *justify*** dan **1.5 jarak perenggan**.
3. Jumlah perkataan untuk artikel hendaklah di antara **600-700 patah perkataan**, tidak termasuk tajuk, maklumat pengarang, rujukan dan sebarang lampiran.
4. Semua artikel yang dihantar **hendaklah mengikut tema** yang ditetapkan.
5. **Rajah boleh dikepilkan (jika perlu)** dan kapsyennya mestilah diletakkan di bahagian bawah imej (tengah).
6. Jadual (jika perlu) dan kapsyennya mestilah diletakkan di atas jadual.
7. Artikel hendaklah dihantarkan kepada emel: **penyelidik@yslestari.org.my**.

TARIKH TUTUP: 23 JUN 2024

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Yayasan Strategik Lestari
www.yslestari.org.my

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**